

# KMJ 2016 labuhkan tirai

Sultan Johor selesai dekati rakyat di 10 daerah di negeri ini



Sambutan ulang tahun kelahiran Sugumaran yang disambut Sultan Ibrahim bersama keluarga diraja Johor.



Orang ramai tidak melepaskan peluang mendapatkan cenderamata KMJ 2016.



Sultan Ibrahim menandatangani plak keberangkatan tiba di kawasan R&R Pandan EDL Johor Bahru.

**JOHOR BAHRU** - Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2016 melabuhkan tirainya selepas Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar mendekati rakyat di semua 10 daerah di negeri ini, sejak 14 Mei lalu hingga semalam.

Majlis penutup diadakan di kawasan Rehat dan Rawat Pandan Lebuhraya Penyuraian Timur (EDL), di sini.

Turut berangkat sama, Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah; Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail; Tunku Temenggong, Tunku Idris Iskandar; Tunku Panglima, Tunku Abdul Rahman dan Tunku Puteri, Tunku Tun Aminah.

Hadir sama, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ismail Karim, barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan pegawai kanan

kerajaan.

Keberangkatan tiba Sultan Ibrahim pada jam 2.45 petang itu disusuli nyanyian lagu Bangsa Johor dan bacaan doa oleh Mufti Johor, Datuk Mohd Tahrir Samsudin.

Majlis diteruskan dengan sembah ucapan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, diikuti penyampaian cenderahati, selain turut diadakan sambutan ringkas ulang tahun kelahiran Ketua Keselamatan Sultan Johor, R Sugumaran.

Dalam ucapannya, Mohamed Khaled berkata, KMJ yang mendapat liputan meluas adalah satu jenama baharu untuk Johor kerana setiap tahun ada pembaharuan diperkenalkan.

"Semuanya menunjukkan pendekatan inovatif untuk menjadikan perjalanan ini benar-benar mengesankan. Tanpa kita sedari, acara tahunan ini menjadi sino-

nim dengan Johor dan sentiasa dinanti-nantikan.

"Apa membuatkan KMJ unik adalah bagaimana Sultan Johor dan seluruh kerabat diraja menyantuni anak bangsa serta sekali-an rakyat jelata dengan pendekatan dan juga sentuhan tersendiri, bersahaja tanpa protokol, dan sangat penuh kemesraan," katanya.

Mohamed Khaled berkata, KMJ adalah jenama paling sesuai menggambarkan sultan dan rakyat berpisah tiada, dan diterjemahkan dengan bersungguh-sungguh saban tahun tanpa jemu.

"Jenama seumpama inilah yang memperkuuhkan lagi sistem Raja Berperlembagaan di Johor dan Malaysia," katanya.

KMJ 2016 edisi ke-19 buat juluhan kalinya menyaksikan tiga trak Mack milik baginda Tuanku menjelajah membabitkan perjalanan sejauh 842 kilometer.



Sultan Ibrahim bersama sekretariat KMJ 2016 pada majlis penutup di R&R Pandan EDL Johor Bahru.